Pty. Ltd.(Australia). Responden terlibat dalam pengedaran health food dan barangan body care keluaran 21st Century Pty. Ltd. Australia kepada kedai-kedai farmasi di Malaysia. Mengikut keterangan jurujual (SP6) City Pharmacy buku (P3) bukanlah untuk diedarkan (distribution) tetapi atas gesaan pembantu farmasi (SP1) setelah dia menunjukkan kad kuasanya dan menyatakan dia seorang Pegawai Kesihatan buku itu diserahkan kepadanya. Selain dari itu tidak ada keterangan yang membuktikan buku itu telah diedarkan kepada orang ramai (public). Walaupun penyiaran tidak didefinasikan di bawah Akta makna yang seimbang dari implikasi kegunaannya didalam Akta ini ialah menyebarkan iklan yang berhubung dengan penyakit tertentu di bawah s. 3(1) dan menyebarkan iklan ubat di bawah s. 4B(1) Akta itu kepada orang ramai. Didalam Kamus Dewan Edisi Baru penyiaran di beri erti "perbuatan penyiaran iaitu menghebahkan kepada orang ramai".

Keterangan di dalam kes ini adalah jelas menunjukkan nyata responden ada menyimpan buku-buku (P3) yang mengandungi iklan-iklan seperti di dalam pertuduhan-pertuduhan di premisnya di Taman Tun Dr. Ismail dan membekalkan buku-buku tersebut kepada City Farmasi. Menyimpan dan mengedarkan buku tersebut kepada orang atau gulungan tertentu seperti doktor, ahli farmasi, doktor pergigian dan lain-lain yang disenaraikan di bawah s. 3(2) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 tidaklah menjadi kesalahan.

Di dalam kes rayuan ini tidak ada keterangan responden telah mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran iklan seperti yang disebutkan di dalam ketiga-tiga pertuduhan terhadapnya tetapi sebaliknya keterangan membuktikan responden membekalkan buku itu kepada City Farmasi salah satu daripada kelas orang yang dibolehkan penyiaran iklan itu dibuat seperti yang disenaraikan dibawah s. 3(2)Akta ini. Untuk sabitan kesalahan dibawah s. 3(1) dan s. 4B(1) Akta ini perlulah dibuktikan seseorang itu mengambil peranan menyiarkan Iklan kepada orang ramai dengan cara menyebarkan iklan kepada orang ramai.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas rayuan oleh pendakwa raya adalah ditolak.

RAMALINGAM A/L PERIAPU MUNUSAMY

lwn.

THE DEPUTY INSPECTOR GENERAL OF POLICE & SATU LAGI.

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO: 21(22) - 170 - 89]
22 SEPTEMBER 1993

PEMBUANGAN KERJA: Inspektor percubaan dibuang kerja - Samada pembuangan kerja mengikut prosedur - Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan; Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Bab D) 1980.

Tuduhan terhadap plaintif adalah bahawa dia telah berpakaian seragam pagawai polis berpangkat Penolong Penguasa Polis. Plaintif sebenarnya Inspektor Percubaan. Plaintif telah mencabarkan prosedur dalam mana ia dibuang kerja.

Diputuskan:

[1] Menurut peratuan-peraturan yang relevan, tempoh masa yang dikehendaki untuk plaintif membuat representasi secara bertulis adalah tidak kurang daripada 14 hari. Di sini tempoh selama 16 hari telah dibenarkan kepada plaintif. Jadi, plaintif telah diberi hak untuk membuat penjelasan dan Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan telah dipatuhi.

[2] Pindaan tarikh-tarikh dalam surat tunjuk sebab adalah diketahui oleh plaintif sebelum ianya dibuang kerja tetapi tiada sebarang bantahan atau representasi lanjutan diterima daripada plaintif dalam hal ini. Tambahan pada itu plaintif ada mengakui bahawa asas tuduhan adalah penyamaran sebagai Penolong Penguasa Polis; di mana plaintif telah mengaku salah. Mahkamah mendapati tidak ada kekeliruan dialami oleh plaintif sebab pindaan itu tidak mengubahkan inti tuduhan.

[Permohonan ditolak dengan kos].

Perundangan yang di rujuk:

Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980, Bahagian II, Peruntukan 23, Perintah 23, *24*, *26*
Perlembagaan Persekutuan, Perkara 132 (2), 135 (2)

Bagi pihak plaintif - Christopher Fernando (Paul bersamanya); Tetuan Aris Rizal Christopher Fernando & Co.
Bagi pihak defendan - B. Sarala Pillay (Salehuddin & Abdullah Hassan bersamanya), PKP

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Peraturan membuang kerja seseorang yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam termaktub dalam Bahagian II Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980 yang diwartakan pada 17 Julai 1980 (selepas ini dikenali Perintah Am Bab "D") dan Perintah-Perintah yang berkenaan adalah peruntukan 23 (Syarat-syarat bagi pembuangan kerja atau menurunkan pangkat), Perintah 24 (Pihakberkuasa Tatatertib menentukan jenis kesalahan) dan Perintah 26 (Tatacara bagi kes-kes yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat).

Sayugia diingat bahawa Perintah Am Bab "D" ini mempunyai kuatkuasa undang-undang oleh kerana kuasa yang diberi kepadanya oleh Perkara 132 (2) Perlembagaan.

Dalam kes ini si plaintif telah dilantik sebagai seorang Inspektor Percubaan mulai 5 April 1987 dan dibuang kerja pada 8 September 1988 oleh Timbalan Ketua Polis Negara (Selepas ini dikenali Timbalan KPN) yang menjalankan kuasa tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Polis yang diturunkan kepadanya melalui P.U.(B) 621 bertarikh 19 Disember 1985.

Surat tunjuk sebab bertarikh 6 Mei 1988, kepada si plaintif, di antara lain berbunyi, "Representasi telah dibuat kepada Yang Berbahagia Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara bahawa anda adalah bersalah kerana kerja yang tidak memuaskan dan salahlaku itu, pada pendapat Yang Berbahagia Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara patut dikenakan hukuman "Buang Kerja".

Dapat diperhatikan disini bahawa Perintah 24 Perintah Am Bab "D" yang menghendakki Pihakberkuasa Tatatertib menentukan jenis kesalahan telah dipenuhi dan seterusnya surat tunjuk sebab itu menyatakan lagi bahawa, "Dengan yang demikian Yang Berbahagia Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara bercadang untuk membuang kerja anda atas alasan berikut" dan memberikan alasan-alasannya yang memenohi Perintah 23 Perintah Am Bab "D" yang menghendakki si plaintif telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan atas mana tindakan dicadangkan hendak diambil terhadapnya.

Rukun keadilan asasi menghendakki pihak berkuasa Tatatertib memberikan si plaintif bukan sahaja apakah perkara-perkara yang ia salahlakukan akan tetapi juga surat tunjuk sebab itu hendaklah menyatakan apakah kemungkinan hukuman yang bakal dikenakan ke atas si plaintif jika pertuduhan dibuktikan terhadapnya. Saya berpendapat kedua-dua perkara itu telah dipenuhi dalam kes ini.

Perintah 26 Perintah Am Bab "D" berbunyi:-

(1) Jika representasi dibuat kepada pihakberkuasa Tatatertib Yang Berkenaan atau jika didapati olehnya bahawa seseorang pegawai adalah bersalah kerana kerja yang tidak memuaskan dan kerja atau salah-laku itu pada pendapat Pihakberkuasa Tatatertib itu, patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, maka peruntukkan-peruntukkan di dalam perenggan-perenggan yang berikut hendaklah dipakai.

(2) Pihakberkuasa Tatatertib Yang Berkenaan hendaklah, setelah menimbangkan segala maklumat yang ada dalam miliknya bahawa ada kes *prima-facie* untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat, mengarahkan supaya satu pernyataan bertulis, yang disediakan jika perlu, dengan bantuan Jabatan Undang-Undang, dihantar kepada pegawai itu, menyatakan alasan atau alasan-alasan yang dicadangkan untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat pegawai itu dan hendaklah meminta pegawai itu membuat, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari daripada tarikh surat itu diterima, satu representasi secara bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang ia hendak gunakan untuk membebaskan dirinya.

Dapat diperhatikan bahawa peraturan di atas telah dipatuhi oleh Yang Berbahagia Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara. Tempoh masa yang dikehendakki untuk si plaintif membuat representasi secara bertulis adalah tidak kurang daripada 14 hari dan di sini tempoh masa 16 hari telah diberikan di mana surat bertarikh 6 Mei 1988 itu menyebut, "Anda adalah dikehendaki untuk menyatakan secara bertulis dalam tempoh masa 16 hari daripada penerimaan surat ini, satu representasi yang

dialamatkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara melalui Pengarah Cawangan Khas, Bukit Aman, mengandungi alasan-alasan anda untuk membebaskan diri".

Oleh hal yang demikian, saya berpendapat bahawa si plaintif telah diberi hak untuk membuat penjelesan (the right to be heard) dan kerananya saya memutuskan bahawa Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan di patuhi.

Hanya suatu perkara sahaja yang tinggal yang perlu saya sentuh iaitu tentang pemindaan tarikh-tarikh dalam surat tunjuk sebab kepada 21 Disember 1987 (daripada 22 Disember 1987) dan 22 Disember 1987 (daripada 23 Disember 1987) akan tetapi dapat diperhatikan di sini bahawa si plaintif mengetahui mengenai perubahan tarikh-tarikh itu dan tidak pula mencabar mengenainya. Namum demikian dalam surat representasinya bertarikh 21 Mei 1988 si plaintif mengakui fakta yang menjadi asas pertuduhan tatatertib iaitu, si plaintif Berpakaian Seragam Pegawai Polis berpangkat Penolong Penguasa Polis walhal si plaintif sebenarnya seorang Inspektor Percubaan dan berikutannya mengaku salah pula. Adalah dihujahkan oleh peguambela yang bijaksana bagi pihak plaintif bahawa pindaan kepada tarikh tuduhan terhadap plaintif dimaklumkan kepada plaintif hanya selepas plaintif menjawab tuduhan tersebut dan pindaan itu pula disampaikan oleh seorang pegawai polis sahaja dan bukannya oleh Suruhjaya Polis. Dapat diperhatikan bahawa surat tunjuk sebab bersama tuduhan telah disampaikan kepada plaintif pada 6 Mei 1988 dan dijawab oleh plaintif pada 21 Mei 1988. Pindaan kepada tarikh tuduhan telah disampaikan secara lisan kepada plaintif pada 6 Julai 1988 oleh Pegawai Kanannya yang rapat (immediate) iaitu DSP Ismail Md. Nor dan juga melalui surat bertarikh 18 Jun 1988. Namun begitu perlu diingat bahawa menurut Warta Kerajaan bertarikh 19 Disember 1985 P.U. (B) 621 Timbalan Ketua Polis Negara diwakilkan untuk menjalankan semua kuasa mengenai semua perkara tatatertib termasuk kuasa mengenakan hukuman buang kerja mengenai semua Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspektor Percubaan hinggalah termasuk Ketua Inspektor. Surat bertarikh 18 Jun 1988 telah di hantar oleh pegawai yang diarahkan oleh Pengarah Cawangan Khas yang kemudian mengarahkan DSP Ismail Md. Nor menyampaikan kepada plaintif secara lisan. Ini adalah suatu prosedur pentadbiran sahaja. Seterusnya plaintif telah dibuang kerja pada 16 Ogos 1988. Si plaintif setelah diberitahu mengenai pindaan tarikh tuduhan itu, sebelum di buang kerja tidak ada membuat bantahan atau representasi lanjutan. Hakikatnya adalah si plaintif sebenarnya tahu jenis salah-laku itu iaitu menyamar yang jika dilakukan oleh orang awam adalah satu kesalahan jenayah. Pindaan tarikh itu tidak menjejaskan kes pihak plaintif oleh kerana si plaintif tidak pernah mencabar perubahan tarikh tersebut. Walau bagaimanapun, si plaintif mengakui fakta atas tuduhan tatatertib tersebut iaitu berpakaian seragam Pegawai Polis berpangkat Penolong Penguasa Polis walhal plaintif sebenarnya seorang Inspektor Percubaan dan kemudian mengaku bersalah.

Saya berpendapat tidak ada sebarang kekeliruan di sini oleh kerana inti kepada tuduhan itu adalah berpakaian seorang Pegawai Polis berpangkat Penolong Penguasa Polis; sama ada si plaintif melakukan satu hari atau dua hari, ianya tidak mengubah inti tuduhan itu. Jadi harapan bahawa hukuman yang bakal dikenakan berkemungkinan berlainan dan lebih ringan adalah terlalu jauh.

Atas alasan di atas saya dengan ini menolak tuntutan si plaintif dengan kos.